



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2014

PERATURAN PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS KERAJAAN

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

6 Mac 2014

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3904
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Rujukan Kami : JPM 100-2/12 (5)

Tarikh : 6 Mac 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2014

PERATURAN PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS KERAJAAN

TUJUAN

1. Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan bagi melaksanakan dasar perbelanjaan berhemah dalam penganjuran majlis-majlis di semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah pun melaksanakan dasar perbelanjaan berhemah bagi mengurangkan perbelanjaan awam melalui penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014. Bagi meningkatkan keberkesanan dasar ini, Kerajaan telah memutuskan supaya langkah penjimatan diperluaskan meliputi penganjuran majlis-majlis di semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.

PELAKSANAAN

3. Melalui Pekeliling Am ini, ditetapkan supaya semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan melaksanakan penjimatan dalam penganjuran majlis-majlis Kerajaan meliputi perkara-perkara berikut:

- 3.1 Menghentikan amalan menyediakan baju korporat. Semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan boleh menggunakan baju korporat termasuk batik korporat masing-masing untuk majlis-majlis yang dianjurkan ataupun menggunakan baju korporat 1Malaysia (berwarna putih);
- 3.2 Memastikan tidak berlaku pembaziran dalam penganjuran majlis-majlis Kerajaan, khususnya dalam penyediaan perhiasan, tempat duduk VIP yang hanya perlu sederhana dan tidak keterlaluan atau terlalu bermewah. Oleh itu, perkara ini wajar dimasukkan dalam *Standard Operating Procedure* (SOP) baru dalam penganjuran majlis Kerajaan;

- 3.3 Tiada pemberian cenderamata kepada para pemimpin yang hadir di majlis-majlis Kerajaan mahupun anjuran pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pemberian yang sesuai misalnya buah-buahan tempatan yang berpatutan atau sebuah buku boleh dibenarkan; dan
- 3.4 Amalan menyiarkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada para pemimpin melalui iklan dalam akhbar juga hendaklah dihentikan kerana ia melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2014 ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

6 Mac 2014